

# Orde dunia hancur jika Australia ceroboh negara lain

UM 4 DEC 2002

KUALA LUMPUR 3 Dis. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Australia akan menghancurkan orde dunia dan tatasusila hubungan antarabangsa sekiranya bertindak mencerooboh negara lain atas alasan memburu pegganas.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ancaman Australia yang disokong pula oleh Amerika Syarikat (AS) menunjukkan negara-negara maju harus dipertanggungjawabkan sekiranya hubungan antarabangsa runtuh sama sekali.

“Kalau ini berlaku, maka tidak ada lagi orde dunia, tidak ada lagi peraturan dan tatatertib antara negara-negara dan bermulanya apa yang dikatakan kemusnahan hubungan yang menjejaskan kedaulatan negara.

“Ini yang kita bimbang dan kalau ia berlaku, negara maju yang bertanggungjawab,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan pelancaran Pusat Tuisyen Albukhary 2003 di Muzium Kesenian Islam di sini hari ini.

Abdullah mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam yang menyatakan Malaysia sedia menyerang balas sekiranya Australia mencerooboh wilayah negara ini dalam usahanya memburu pegganas.

Kelmarin, Perdana Menteri Australia, John Howard menyatakan kesediaan negara itu untuk menyerang pegganas di beberapa negara jirannya di Asia Tenggara dalam usaha menangani keganasan.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, rakyat Malaysia menyokong penuh kenyataan Dr. Mahathir yang tidak mahu negara ini dicerooboh oleh mana-mana pihak.

“Kita rakyat Malaysia perlu membuktikan kita sebenarnya bersatu padu menghadapi apa juga pencerobohan,” katanya.

Sementara itu, Abdullah dalam ucapannya berkata, para penuntut perlu mencontohi semangat para cerdik pandai Islam pada zaman kegemilangan agama itu yang menunjukkan kesungguhan mencari ilmu dalam pelbagai bidang.

“Kerajaan Islam pada zaman dahulu berjaya sebab mereka menguasai ilmu dengan cemerlang.

“Janganlah lupa selain mencari kebahagiaan akhirat, umat Islam juga dikehendaki hidup dalam keadaan yang elok, baik dan hasanah,” katanya.

Pusat Tuisyen Albukhary 2003 akan memberikan bantuan kelas tambahan kepada 15,000 pelajar tingkatan lima beragama Islam dan bukan Islam di 300 buah sekolah seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.